

**KONSEP PEMELIHARAAN BERASASKAN KELUARGA TERHADAP KANAK-KANAK TIDAK TERKAWAL DI MALAYSIA: ANALISIS MENURUT PERSPEKTIF SYARIAH**

**Siti Amalina Ahmad Khairundin\***

Jabatan Fiqh dan Usul  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya.  
amalina@unisel.edu.my

**Shahidra Abdul Khalil**

Jabatan Fiqh dan Usul  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya.

**Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar**

Jabatan Fiqh dan Usul  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya.

**Mumtazah Narowi**

Jabatan Pengurusan, Perniagaan dan Undang-undang  
Fakulti Pengurusan, Perniagaan dan Pengajian Profesional  
Management & Science University.

**Noor Fadhzana Mohd Noor**

Jabatan Pengajian Islam  
Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial  
Universiti Selangor.

*\*Corresponding Author*

---

**Received Date:** 1 Ogos 2024    **Accepted Date:** 8 September 2024    **Published Date:** 20 December 2024

---

**ABSTRAK**

Kanak-kanak mempunyai hak untuk hidup dalam suasana berkasih-sayang dalam sesebuah institusi keluarga. Perkara ini menjamin kanak-kanak untuk menikmati keselamatan, pendidikan serta sumber makanan yang berkhasiat. Namun, kelalaian ibu bapa atau penjaga dalam menjalankan tanggungjawab terhadap kanak-kanak boleh menyebabkan kanak-kanak berdepan dengan risiko cenderung kepada jenayah moral atau aktiviti tidak sihat. Statistik kes kanak-kanak tidak terkawal yang melibatkan kanak-kanak berusia 10 sehingga 18 tahun menunjukkan pola yang hampir sekata iaitu 100 sehingga 200 kes setahun dicatatkan daripada tahun 2019 sehingga 2022. Justeru artikel ini akan melakukan penilaian syariah terhadap konsep pemeliharaan berasaskan keluarga dalam pengendalian kanak-kanak tidak terkawal di Malaysia, dalam usaha menyokong peruntukan sedia ada. Bagi mencapai objektif kajian ini, pendekatan kualitatif digunakan menerusi kaedah kepustakaan yang berasaskan metod analisis litaretur dan kaedah lapangan yang berasaskan metod temubual. Kajian ini merujuk sumber-sumber primer seperti Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) dan prosedur-prosedur yang

dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) serta sumber-sumber sekunder seperti data-data perpustakaan. Data-data ini kemudian dianalisis secara induktif, deduktif dan komparatif. Temubual bersama pegawai JKM membantu dalam mendapatkan maklumat semasa serta memberikan gambaran sebenar pengendalian kanak-kanak tidak terkawal. Hasil kajian mendapati bahawa konsep pemeliharaan berasaskan keluarga terhadap pengendalian kanak-kanak tidak terkawal mempunyai nilai-nilai Islam. Hasil ini juga boleh menjadi rujukan dan landasan dalam memperkasakan garis panduan berdasarkan syariah kepada pihak-pihak berkepentingan seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) serta pengendali-pengendali kes kanak-kanak tidak terkawal di bawah KPWKM sendiri seperti pegawai akhlak dan pengetua di asrama akhlak.

**Kata kunci:** *Kanak-Kanak Tidak Terkawal, Pemeliharaan Berasaskan Keluarga, Syariah*

### ***THE CONCEPT OF FAMILY BASED CARE TOWARDS CHILDREN BEYOND CONTROL IN MALAYSIA FROM THE ISLAMIC PERSPECTIVE***

#### ***ABSTRACT***

*Each child is entitled to live a life full of love with a family. This ensures his security, education, and physical need for a nutritious diet. However, his parents' irresponsibility may expose the child to the risks of committing moral crimes and indulging in unhealthy activities. Statistics involving children beyond control between the ages of 10 and 18 have been consistent from 2019 until 2022 when cases between 100 and 200 were recorded yearly. In addressing these, this study analyzes the concept of family based care for these children in Malaysia from the Shariah perspective in support of the existing legal provisions. A qualitative approach using systematic literature analysis and interviews was employed to achieve the research objectives. This study examines primary legislations, e.g., Child Act 2001 (Act 611) and procedural manuals issued by the Social Welfare Department (JKM), as well as, other secondary sources, e.g., past studies. These data were analyzed inductively and comparatively. On the other hand, the interview seeks to gain updated data on handling children beyond control. The findings of this study reveal that the concept of family based care of children beyond control, as found in the legislation, is in line with Islamic values. These insights may provide some references in strengthening Shariah-based guidelines to relevant parties, e.g., the Ministry of Woman, Family and Community Development (KPWKM), and the children beyond control's guardians under the Ministry, e.g., probation officers and principals of probation hostels.*

**Keywords:** *Children Beyond Control, Family Based Care, Shariah*

#### **PENDAHULUAN**

Undang-undang jenayah menurut Islam adalah bersumberkan hukum Allah, yang bertujuan untuk mencapai objektif syariah (*maqasid syariah*) dalam rangka pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Hukuman yang terdapat dalam undang-undang jenayah Islam adalah terdiri daripada hudud, qisas dan takzir. Kanak-kanak merupakan golongan yang terkecuali daripada dikenakan hukuman hudud dan qisas. Kebanyakan fuqaha' mengklasifikasikan mereka sebagai pesalah yang layak menerima hukuman takzir. Hal ini berkait juga dengan keadaan kanak-kanak tidak terkawal di Malaysia. Hukuman takzir yang bertujuan pendidikan

atau pemulihan (al-Zuhayli, 2004) memberi ruang kepada pemimpin setempat untuk menentukan pendekatan yang bersesuaian dengan keadaan kanak-kanak. Pemeliharaan berasaskan keluarga merupakan antara pendekatan hukuman berbentuk takzir terhadap kanak-kanak, yang berfungsi sebagai asas kepada perintah-perintah tertentu dalam Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611). Dalam kajian ini, perbincangan menurut perspektif syariah dilakukan untuk menilai konsep pemeliharaan berasaskan keluarga terhadap kanak-kanak yang menerima perintah menerusi s46(5) Akta 611.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Pengumpulan data kajian berkenaan konsep pemeliharaan berasaskan keluarga yang diamalkan dalam pengendalian kanak-kanak tidak terkawal adalah menggunakan kaedah kepustakaan yang berasaskan metod analisis litaretur dan kaedah lapangan yang berasaskan metod temubual. Setelah itu, data yang telah dikumpulkan dianalisis menggunakan metod induktif, deduktif serta komparatif. Kaedah penulisan analisis pula menggunakan kaedah tematik bagi menyusun perbincangan hasil analisis yang telah dilakukan.

Kaedah pemilihan sampel dalam kajian ini adalah berdasarkan teknik sampel *non-probability sampling* dan menggunakan persampelan berasaskan tujuan pertimbangan (*purposive*). Kaedah ini sinonim digunakan dalam kajian kes yang bertujuan untuk mengkaji fenomena kehidupan sebenar dan memberi penumpuan kepada sampel yang kecil atau khusus. Menurut Maxwell (2012), tujuan sampel dikhususkan adalah kerana kredibiliti dan autoriti yang ada pada sampel yang telah dipilih. Oleh yang demikian, pengkaji telah menjalankan satu temubual bersama pegawai JKM yang bertujuan untuk melihat dan mendapatkan maklumat yang sebenar perjalanan amalan konsep pemeliharaan berasaskan keluarga di asrama akhlak. Latar belakang partisipan yang terdiri daripada pegawai JKM adalah seperti berikut:

Jadual 1 : Latar Belakang Partisipan

<b>Responden</b>	<b>Jantina</b>	<b>Jawatan</b>
<b>P1</b>	Lelaki	Pengetua asrama akhlak
<b>P2</b>	Perempuan	Pengetua asrama akhlak

Jadual 1 menunjukkan senarai partisipan yang dipilih oleh pengkaji berdasarkan jawatan yang disandang sewaktu ditemu bual. Partisipan juga merupakan individu yang mempunyai pengalaman yang luas dalam mengendalikan kes-kes yang melibatkan kanak-kanak.

## **KONSEP PEMELIHARAAN BERASASKAN KELUARGA DI MALAYSIA**

Peraturan-Peraturan Kanak-Kanak (Pemeliharaan Berasaskan Keluarga) 2017 merupakan garis panduan berbentuk peraturan-peraturan kanak-kanak di bawah Akta 611. Peraturan yang mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2017 ini terbentuk daripada ruang kuasa yang termaktub dalam s128 Akta 611, yang membenarkan Menteri untuk membuat peraturan-peraturan:

*128. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.*

*(1) Menteri boleh membuat apa-apa peraturan yang pada hematnya perlu atau suai manfaat bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta ini.*

Bagi maksud kajian ini, Mahkamah Bagi Kanak-Kanak (MBKK) menetapkan suatu perintah di bawah s46(5) iaitu terpakai bagi kanak-kanak tidak terkawal yang diletakkan dalam pemeliharaan mana-mana orang yang menyediakan pemeliharaan berasaskan keluarga:

*46. Kanak-kanak yang tidak terkawal.*

*(5) Mahkamah Bagi Kanak-Kanak boleh, selepas menimbangkan laporan akhlak yang disebut dalam perenggan (3)(b) dan mengambil kira bahawa meletakkan kanak-kanak dalam pemeliharaan berasaskan keluarga adalah sebaik-baiknya ---*

*(a) membuat suatu perintah meletakkan kanak-kanak itu dalam pemeliharaan seseorang yang layak dan sesuai;*

*(b) membuat suatu perintah meletakkan kanak-kanak itu di suatu pusat;*

*(c) membuat suatu perintah menahan kanak-kanak itu di suatu asrama akhlak; atau*

*(d) membuat suatu perintah meletakkan kanak-kanak itu di bawah pengawasan ---*

*(i) seorang pegawai akhlak; atau*

*(ii) mana-mana orang yang dilantik bagi maksud itu oleh Mahkamah, selama suatu tempoh yang dinyatakan oleh Mahkamah.*

## **Pengenalan Kanak-kanak Tidak Terkawal**

Menurut JKM, kanak-kanak tidak terkawal adalah merupakan seorang kanak-kanak yang menurut subseksyen 2(1) adalah seseorang yang di bawah umur 18 tahun. Kanak-kanak tidak terkawal pula diperincikan dalam s46 dan 47 Akta 611, yang boleh ditafsirkan sebagai kanak-kanak yang mula terlibat dalam pergaulan yang tidak sihat (JKM, 2021).

## **Kelayakan Penyedia Pemeliharaan Berasaskan Keluarga**

Ketua Pengarah iaitu Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat dan juga Pengarah Kebajikan Masyarakat negeri-negeri boleh memilih mana-mana orang yang layak atau sesuai menjadi penyedia pemeliharaan berasaskan keluarga bagi maksud subseksyen 46(5) Akta 611. Ciri-ciri penyedia adalah:

1. Warga negara atau penduduk tetap Malaysia;
2. Berupaya mengadakan pemeliharaan yang mencukupi;
3. Tidak pernah disabitkan atas apa-apa kesalahan jenayah atau syariah.
4. Telah menghadiri sesi kaunseling atau kursus yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

## **Kewajipan Penyedia Pemeliharaan Berasaskan Keluarga**

Penyedia pemeliharaan berasaskan keluarga yang telah dilantik oleh Ketua Pengarah, dikehendaki menjalankan kewajipan berikut terhadap kanak-kanak:

1. Pemeliharaan berasaskan kasih sayang dan kemesraan, dan nilai moral dan rohani yang baik.
2. Perkembangan, kebajikan, kesihatan dan kesejahteraan diuruskan mengikut keperluan kanak-kanak.
3. Menyediakan tempat tinggal yang selamat, bersih dan selesa serta tinggal bersama.
4. Melindungi kepentingan kanak-kanak.

5. Menyediakan makanan yang sihat dan pakaian yang mencukupi.
6. Menyediakan pendidikan termasuklah pendidikan moral dan rohani.
7. Menghadiri sesi bimbingan dan kaunseling jika perlu.
8. Memastikan keselamatan kanak-kanak.
9. Memberikan rawatan perubatan atau pergigian jika perlu.
10. Menyimpan barang peribadi dan rekod kanak-kanak ditempat yang selamat.
11. Melaporkan kecederaan atau penyakit yang serius yang dialami oleh kanak-kanak kepada Pelindung atau pegawai akhlak dalam tempoh 24 jam.
12. Melaporkan keganasan yang dilakukan terhadap kanak-kanak atau kematian kepada polis, dan Pelindung atau pegawai akhlak dalam tempoh 24 jam.
13. Melaporkan kanak-kanak yang lepas lari daripada pemeliharaan kepada polis, dan Pelindung atau pegawai akhlak dalam tempoh 24 jam.
14. Membenarkan kanak-kanak menghubungi ibu atau bapa atau penjaga sebenar kanak-kanak, sekiranya penyedia pemeliharaan berasaskan keluarga adalah bukan ibu atau bapa atau penjaga sebenar kanak-kanak.

### **Kewajipan Ibu atau Bapa atau Penjaga Kanak-kanak**

Sekiranya kanak-kanak ditempatkan dalam pemeliharaan penyedia pemeliharaan berasaskan keluarga yang bukan ibu atau bapa atau penjaga sebenar kanak-kanak, ibu atau bapa atau penjaga sebenar kanak-kanak hendaklah menuruti syarat yang ditetapkan oleh MBKK atau pelindung, iaitu:

1. Berhubung dengan penyedia pemeliharaan berasaskan keluarga kanak-kanak bagi mengetahui perkembangan kanak-kanak.
2. Ibu atau bapa atau penjaga sebenar kanak-kanak dikehendaki menghadiri perbincangan yang diatitkan oleh Pelindung, pegawai akhlak atau mana-mana Pasukan Pelindung Kanak-Kanak, berkenaan dengan kebajikan, kesihatan, pendidikan moral dan rohani, dan perkembangan kanak-kanak. Sekiranya ibu atau bapa atau penjaga sebenar kanak-kanak tidak mematuhi syarat ke-2 ini, mereka boleh dikenakan denda tidak melebihi lima ribu ringgit jika disabitkan kesalahan.

### **REALITI AMALAN PEMELIHARAAN BERASASKAN KELUARGA DI ASRAMA AKHLAK**

Sebagai permulaan perbincangan realiti amalan pemeliharaan berasaskan keluarga terhadap kanak-kanak tidak terkawal, perbincangan dimulakan dengan penerangan berkenaan asrama akhlak. Asrama akhlak merupakan sebuah asrama yang ditubuhkan di bawah s61 Akta 611:

*61. Asrama akhlak.*

*(1) Menteri boleh, melalui pemberitahuan dalam Warta, menubuhkan atau menetapkan asrama-asrama akhlak yang dikehendaki bagi maksud Akta ini.*

*(2) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi pengawalseliaan, pengurusan dan pemeriksaan asrama-asrama akhlak.*

Seksyen 62 Akta 611 dilanjutkan lagi dengan menerangkan berkenaan umur kanak-kanak yang dibenarkan tinggal di asrama akhlak:

62. *Kanak-kanak di bawah umur sepuluh tahun tidak boleh dihantar ke asrama akhlak.*

*Mahkamah Bagi Kanak-Kanak tidak boleh membuat perintah yang menghendaki seseorang kanak-kanak di bawah umur sepuluh tahun dihantar ke asrama akhlak.*

### **Pengaruh Latar Belakang Ibu Bapa atau Penjaga Kanak-kanak Tidak Terkawal**

Secara umum, suasana kehidupan keluarga memberi pengaruh yang menebal dalam kalangan kanak-kanak. Begitu juga sikap yang ditonjolkan oleh ibu bapa memberi kesan kepada anak-anak, apatah lagi jika ibu bapa mengajar sesuatu pengajaran kepada anak-anak. Partisipan memberikan contoh bapa kepada seorang pelatih (gelaran kepada kanak-kanak di asrama akhlak) yang mengajarnya untuk melakukan perkara yang dilarang di sisi undang-undang:

P1: "...ayah dia *tu* terlibat dengan jenayah mengajar dia...berkaitan salah laku. Menggunakan dia untuk mencuri, merompak. Mencuri *lah*..."

Walau bagaimanapun, anak tidak bersetuju dengan memerlukan bapa, malah didera sekiranya tidak mengikut arahan bapa:

P1: "...Dia *tak* suka. Sebab dia tak nak buat-buat benda begitu..."

P1: "...Dia dirotan, didera oleh ayahnya...Kata kalau dalam bahasa jahatnya dia jadi sebagai kayu. Ayah dia gunakan dia untuk masuk tempat-tempat kecil..."

Bapa kepada kanak-kanak ini mengambil kesempatan terhadap saiz tubuh kanak-kanak yang kecil untuk misi mencuri. Partisipan juga memaklumkan bahawa bapa kepada kanak-kanak ini juga telah lama terlibat dengan kesalahan jenayah sehingga memberi kesan negatif kepada pihak lain:

P1: "...ayah dia terlibat dengan jenayah dan mengambil benda-benda terlalu lama..."

P1: "...Ia mengambil dia berumur dan sentiasa terdedah dengan risiko-risiko *bully*-nya...ya...macam-macam *lah* sebab dia kecil, jadi suruhan je..."

Berlainan pula dengan suasana keluarga kepada kanak-kanak yang telah kehilangan bapa dan tinggal bersama ibu. Kanak-kanak merasakan kehilangan kasih-sayang seorang bapa dan bersikap lebih berdikari:

P2: "...Macam orang 'Pelatih 1' pula. Dia lebih *survive* hidup. Dia *tak* seperti sekarang. Dia cari benda itu. Dia cari pasangan untuk cari kehidupan dia, cari lebih kepada orang kata seksual...bila keluarga tak mampu..."

P2: "...Banyakkan kes ni daripada keluarga yang bermasalah lah sepanjang saya kerja 22 tahun ni, macam tu lah..."

Namun begitu, terdapat juga keadaan ibu bapa yang berusaha untuk memperbaiki keadaan anak mereka. Faktor kestabilan kewangan juga mendorong ibu bapa untuk mendapatkan kumpulan sokongan, selain daripada agensi kerajaan:

P2: "...mungkin mereka yang *educated ni tak* sampai *kot*, kat tempat kita. Mereka lebih hantar anak mereka dekat madrasah ke...tahfiz ke. Dia bawa, dia ada duit kan. Dia bawa ke sana. Saya rasa macam *tu lah kot*..."

P2: "...ada terapi dia lah sebab dia ada kemampuan kan? *Takkan lah nak* hantar JKM *lah* sebab itu pun kita rasa ada anak leftenan...Sekejap saja atau sampai dua minggu, ambil balik..."

Daripada ketiga-tiga suasana keluarga ini, jelas di sini bahawa peranan ibu bapa dan penjaga dalam membentuk suasana di rumah adalah sangat penting kepada pertumbuhan kanak-kanak yang sihat dari sudut fizikal dan mental. Latar belakang pendidikan serta tahap kestabilan ekonomi ibu bapa dan penjaga juga memainkan peranan yang penting untuk kelangsungan hidup sekeluarga.

### **Persekitaran Perkembangan Kanak-kanak Tidak Terkawal**

Pengendalian kanak-kanak tidak terkawal yang ditempatkan di asrama akhlak diuruskan oleh pegawai di asrama akhlak yang diketuai oleh pengetua. Bentuk pemulihan berbentuk pendidikan disediakan kepada pelatih agar mereka dapat meneruskan pendidikan selaras dengan umur mereka semasa di asrama akhlak:

P1: "...sebenarnya ikut kepada dasar Dasar Pendidikan ke sekalipun, wajibkan kanak-kanak bersekolah..."

P1: "...untuk memastikan semua kanak-kanak di institusi ini bersekolah itu cerita dia jadi kami orang lapangan ini *pun* akan memastikan...akan memastikan semua kanak-kanak bersekolah dengan jalan apa sekalipun berdasarkan pengalaman dia semua..."

Sungguhpun pihak pentadbiran dibekalkan dengan maklumat latar belakang pelatih, namun pihak pentadbiran asrama akhlak berhadapan dengan cabaran dalam menetapkan pendekatan pemulihan terhadap pelatih:

P2: "...Tapi keinginan dalamnya yang *kuatlah*. Ketagihan itu. Ketagihan itu kuat walaupun dia lembut. bahaya juga. Kalau dia nak-nak, *tak* pandang gila-gila. Kita cakap apa, *tak* dengar..."

P2: "...*Lately* ni pelatih kebanyakan yang masuk, orang mesti *plus* dengan psikiatri..."

Cabaran yang dihadapi oleh pihak pentadbiran asrama akhlak bukan sahaja berhadapan dengan pelatih yang mempunyai masalah dari sudut luaran, malah perlu membendung gejala mental. Sehubungan itu, pihak pentadbiran perlu menyusun aktiviti atau program yang bersesuaian dengan keadaan pelatih:

P2: "...*Oh test je*, tapi kita orang cakap antara kita orang...*yalah* kan mungkin *iya tu* tapi *buatlah* cuba buat macam latihan pecahkan latihan kecil kecil ke..."

P1: "...*Takatnya* sebegitu kriteria anak-anak sebegitu dia letak di sekolah, di kelas-kelas hujung...Jadi menyebabkan persekitaran di situ. Harus di situ banyak pengaruh-pengaruh negatif..."

Berdasarkan kepada respon partisipan tersebut, terdapat dua usaha pendekatan pemulihan berbentuk pendidikan yang diberikan kepada pelatih iaitu pendidikan di dalam kawasan asrama akhlak dan pendidikan mengikut aliran perdana iaitu dihantar ke sekolah-sekolah harian Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang berhampiran dengan asrama akhlak. Bagi peringkat pelatih senior, mereka juga berpeluang meneruskan pengajian yang lebih tinggi seperti mana respon partisipan berikut:

P1: "...Pelatih 2 jadi itu saya letakkan dia ke Giat Mara...oh Pelatih 3 dengan Pelatih 2 *lah* yang Giat Mara...saya kata ke Giat Mara disebabkan macam Pelatih 2 dia dah berumur 19 tahun...Walaupun sebelum ni 19 tahun dah dia *tu* Pelatih 3 baru 17 tahun..."

Walaupun pelatih perlu berjauhan dengan keluarga, namun persekitaran asrama akhlak diwujudkan dalam suasana kekeluargaan yang terdiri daripada pelbagai lapisan umur pelatih itu sendiri, serta penerapan hubungan kasih-sayang serta hormat-menghormati seperti satu keluarga di antara pihak pentadbiran dan pelatih.

### **Penglibatan Ibu Bapa dan Penjaga Terhadap Perkembangan Kanak-kanak Tidak Terkawal**

Walaupun kanak-kanak tidak terkawal ditempatkan di asrama akhlak, pada hakikatnya mereka adalah di bawah tanggungjawab ibu bapa mereka. Ikatan kekeluargaan ini disatukan dengan perantaraan pengetua asrama akhlak serta pegawai akhlak yang mengendalikan kes kanak-kanak tersebut. Justeru, sebarang keinginan atau permintaan pelatih di dalam asrama akhlak hendaklah dimaklumkan kepada pengetua:

P1: "...Jadi saya akan maklum kepada keluarga apapun permintaan yang ada kepada anak-anak, mesti melalui saya. Jadi keluarga akan *call* saya dulu..."

Pihak pentadbiran asrama akhlak juga menggalakkan pelatih yang masih mempunyai ibu bapa atau ahli keluarga untuk pulang ke rumah pada hari-hari tertentu bagi menyuburkan ikatan kekeluargaan. Sekiranya ibu bapa atau ahli keluarga mempunyai kekangan, pihak pentadbiran asrama memberi ruang perjumpaan semasa waktu melawat untuk bertemu dengan pelatih bagi mengetahui tahap perkembangan pelatih di asrama akhlak:

P1: "...Jadi Walaupun macam mana pun Kita galakkan mereka balik untuk bersama keluarga. Kalau ada keluarga, kita galakkan keluarga sentiasa mari



ke sini untuk tengok dan sentiasa berhubung dengan anak-anak. Walaupun pahit bagi mereka nak mari...”

Selain itu, pihak pentadbiran asrama akhlak juga menyusun aktiviti atau program khusus buat pelatih bersama ibu bapa dan ahli keluarga. Pendekatan ini diusahakan dengan tujuan agar ibu bapa boleh melihat dan mengetahui perkembangan anak-anak mereka di asrama akhlak:

P2: “...Dua kali *saja*. Sama ada perkhemahan dengan keluarga. Dan juga hari temu murid. Macam hari prestasi lah...”

P2: “...sepanjang anak dia di sini, bagaimana perasaan mereka sekurang-kurangnya keluarga ambil tahu *lah*... tak *adalah*, bila dia hantar di sini, hantar *saja* terus *tak* ada orang kata melihat balik anak dia ke apa pun...macam itulah kesan perkembangan itu untuk *bonding lah*”

Namun begitu, pemulihan yang diterima oleh pelatih hanya disempurnakan dalam tempoh perintah yang ditetapkan oleh MBKK. Apabila kanak-kanak telah dilepaskan daripada asrama akhlak, kanak-kanak berada sepenuhnya di bawah tanggungjawab ibu bapa atau penjaga:

P2: “...daripada habis tu lah pula risau yang tu *aaa..a...*tulah kadang-kadang kita pun ada satu sudut ke pegawai akhlak sendiri pun...kan dah tak boleh bagi keputusan ataupun buat keputusan untuk anak mereka sebab *kan dah* bawah umur lagi *aa*..jadi isu kat situ...memang balik pada keluarga *lah* kita hanya *guide lah* untuk mana yang patut *je lah*...”

Walau bagaimanapun, s62A Akta 611 menetapkan perintah jagaan susul ke atas kanak-kanak yang dilepaskan dari asrama akhlak. Perintah ini menetapkan bahawa kanak-kanak yang telah habis tempoh tahanan di asrama akhlak hendaklah diletakkan di bawah pengawasan seorang pegawai akhlak atau mana-mana orang yang dilantik oleh Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak dalam tempoh satu tahun.

## **KONSEP PEMELIHARAAN BERASASKAN KELUARGA DALAM ISLAM**

Konsep keluarga dalam Islam adalah berasaskan kepada sifat semulajadi anggota sesebuah keluarga. Sebuah keluarga nukleus atau teras adalah terdiri daripada ibu bapa dan anak. Kepelbagaian sifat semulajadi yang wujud dalam kalangan ahli keluarga ini pada hakikatnya mempunyai persamaan iaitu dari sudut hakikat kemanusiaan. Dalam Islam, Allah SWT menjadikan kemanusiaan adalah unsur yang tertinggi berbanding kejadian makhluk-makhluk Allah SWT yang lain. Perkara ini terakam dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

*Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya). (Surah al-Tin, ayat 4)*

*Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi". Mereka bertanya (tentang*

*hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): "Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu?". Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya". (Surah al-Baqarah, ayat 30)*

Menerusi surah al-Tin, ayat 4, Allah SWT berfirman bahawa manusia adalah sebaik-baik ciptaan serta dilengkapi dengan kesesuaian keadaan manusia itu. Tambahan pula, manusia juga dipertanggungjawab oleh Allah SWT sebagai khalifah di bumi Allah SWT. Tugas khalifah sinonim dikaitkan dengan tugas seorang pemimpin. Maka, khalifah atau pemimpin yang baik akan mentadbir bumi dengan baik kerana sebaik-baik makhluk Allah SWT di bumi ini adalah manusia. Sehubungan itu, pembinaan keluarga yang baik juga penting dalam pembentukan asas ketamadunan sesebuah masyarakat dan seterusnya sebuah negara. Jelas di sini, Islam menekankan sifat kepimpinan dalam mentadbir kehidupan yang terangkum di dalamnya juga indikator-indikator yang digariskan dalam pemeliharaan berasaskan keluarga terhadap kanak-kanak.

### **Hak Kanak-kanak dalam Islam**

Dalam Syariat Islam, seorang anak mempunyai hak-hak tertentu yang mesti dipenuhi. al-Zuhayli (2004) menyenaraikan hak-hak tersebut kepada lima perkara iaitu hak nasab, hak penyusuan (*al-rada'ah*), hak penjagaan yang dibahagikan kepada dua iaitu *al-hadanah* (*custody*) dan *al-wilayah* (*guardianship*) serta hak nafkah.

### **Takrif Haq al-Hadanah dan Haq al-Wilayah**

Dua hak yang berkaitan dengan penjagaan dan pendidikan atau pentarbiyahan anak adalah merupakan bentuk *haq al-hadanah* dan *haq al-wilayah*. Kedua-dua hak penjagaan ini adalah berbeza. Ini kerana *haq al-hadanah* ditakrifkan sebagai pemeliharaan anak yang tidak mampu menguruskan diri sendiri disebabkan belum mumaiyiz kerana masih kecil mahupun anak yang sudah besar namun tidak sempurna akal. Mereka dipelihara daripada sebarang perkara yang boleh membahayakan mereka, yang merangkumi aspek makan, minum, pakaian, kesihatan dan sebagainya.

*Haq al-wilayah* pula ditakrifkan sebagai pengurusan seorang wali terhadap hal ehwal peribadi dan kewangan mereka yang berada di bawah jagaannya sama ada belum mumaiyiz mahupun telah mumaiyiz yang belum sempurna kelayakannya untuk menanggung tanggungjawab syarak (*ahliyyah al-ada'*). Ini meliputi pengurusan ke atas peribadinya seperti penjagaan, pendisiplinan diri, pendidikan, rawatan kesihatan, urusan perkahwinan dan sebagainya. Begitu ini juga dari aspek harta yang menjadi tanggungjawab wali untuk menjaga kepentingan kewangan orang yang di bawah jagaannya dalam urusan seperti pelaburan harta, transaksi jual beli, gadaian dan sebagainya.

### **Pelaksanaan Haq al-Hadanah dan Haq al-Wilayah**

Kedua-dua *haq al-hadanah* dan *haq al-wilayah* secara asasnya merupakan tanggungjawab keluarga. Namun pihak yang lebih utama dipertanggungjawab bagi memenuhi kedua-dua hak ini adalah berbeza bagi menjamin kepentingan anak. *Hadanah* merupakan sebahagian daripada

kekuasaan atau *wilayah*, tetapi ibu atau wanita lebih sesuai melaksanakannya kerana lebih bersifat belas kasihan, sabar dalam mendidik dan biasa dengan kanak-kanak. Namun, jika berlaku pertembungan hak di antara ibu sebagai penjaga, anak yang dijaga dan bapa, maka hak kanak-kanak adalah lebih diutamakan. Seorang bapa tidak boleh mengambil anak dari jagaan penjaga dan menyerahkan anak tersebut kepada pihak lain, kecuali dengan alasan-alasan yang diterima oleh Syarak, atau dengan perintah Mahkamah yang berbidangkuasa.

### **Hak Pendidikan atau Pentarbiyahan Kanak-kanak**

Setelah kanak-kanak mencapai umur tertentu, pendidikan atau pentarbiyahan kanak-kanak menjadi hak bapa atau mereka yang diwakilkannya. Menurut Abdullah Nasih 'Ulwan (2005), pendidikan yang mesti diberikan kepada anak adalah termasuk pendidikan keimanan, moral, jasmani, mental, rohani, sosial dan pendidikan seks. Melalui bentuk-bentuk pendidikan ini, sahsiah anak tersebut dapat dibentuk sebaiknya. Pelaksanaan tanggungjawab besar ini difahami melalui firman Allah SWT dan hadis Nabi SAW seperti berikut:

*Dan perintahkanlah keluargamu serta umatmu mengerjakan sembahyang, dan hendaklah engkau tekun bersabar menunaikannya. Kami tidak meminta rezeki kepadamu, (bahkan) Kami lah yang memberi rezeki kepadamu. Dan (ingatlah) kesudahan yang baik adalah bagi orang-orang yang bertaqwa. (Surah Taha, ayat 132)*

*Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluargamu dari neraka yang bahan-bahan bakarnya: manusia dan batu (berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkanNya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan. (Surah al-Tahrim, ayat 6)*

*Seandainya seorang lelaki itu dapat mengajar anaknya, adalah lebih utama daripada dia bersedekah dengan satu sha'. (Hadis riwayat al-Tirmidhi)*

*Tiada seorang bapa yang memberikan anaknya suatu pemberian lebih baik daripada adab yang mulia. (Hadis riwayat al-Tirmidhi)*

Tanggungjawab pendidikan ini bukan hanya digalas oleh ibu atau bapa. Bahkan pendidik juga boleh merangkumi guru dan juga pengelola sosial. Dalam catatan sejarah, para tokoh ulama terdahulu juga ada mewakilkan tugas pendidikan ini kepada guru. Malah mereka mementingkan pemilihan guru yang berakhlak mulia bagi mendidik anak-anak mereka (Abdullah Nasih 'Ulwan, 2005). Justeru, dapat dirumuskan bahawa peranan mendidik anak-anak dan membentuk sahsiah mereka bukan sahaja terpikul ke atas bapa atau keluarga sahaja. Melalui usaha kerajaan, guru-guru dan pengelola sosial boleh dilatih agar dapat memberikan pendidikan yang lebih holistik kepada seorang kanak-kanak. Pengabaian tanggungjawab ini boleh menimbulkan kesan negatif terhadap kanak-kanak.

## **Peranan Kerajaan Terhadap Kanak-kanak**

Bagi mengawal kestabilan sosial masyarakat setempat, kerajaan juga boleh menggariskan perundangan tertentu untuk diaplikasikan. Namun, batas-batas agama tidak boleh dilangkai. Satu kaedah fiqh yang masyhur menyebut:

*Polisi pemerintah tertakluk kepada kemaslahatan rakyat (Hujjaj & Qindil, t.t.)*

Kaedah di atas menegaskan bahawa pemimpin berkewajipan untuk sentiasa melaksanakan dasar dan tindakan yang dapat menjamin kebajikan (*masalah*) rakyat. Ini termasuklah dalam bentuk pendidikan yang disampaikan melalui institusi sekolah, undang-undang bagi menjamin kesejahteraan masyarakat dan institusi pemulihan bagi membantu rakyat agar kembali kepada kehidupan terpuji dan berakhlak mulia. Justeru, bagi kanak-kanak mumayyiz yang melakukan jenayah dan kesalahan sebelum mencapai baligh, hukuman takzir boleh dikenakan ke atas mereka sebagai satu usaha mendidik mereka. Ini bersandarkan kepada hadis Nabi SAW berikut:

*Perintahkan anak-anakmu melaksanakan solat ketika usianya tujuh tahun dan pukullah mereka kerana meninggalkan solat apabila sudah berusia sepuluh tahun dan pisahkanlah antara mereka (lelaki dan perempuan) di tempat tidur. (Hadis riwayat Abu Daud)*

Menurut pandangan Ibnu Qudamah (t.t), hadis ini menerangkan berkenaan hukum sebatan terhadap kanak-kanak yang merupakan suatu hukuman yang disyariatkan untuk melatih kanak-kanak melakukan suatu kewajipan seperti solat. Di samping itu, para Jumah juga bersepakat, bahawa kanak-kanak boleh dikenakan pukulan untuk pendidikan dan wajib bagi bapa atau datuk untuk melaksanakannya (al-Ramli, 1984). Walau bagaimanapun, hanya kanak-kanak yang berusia sepuluh tahun ke atas boleh dipukul (Ibn 'Abidin, 2000). Menurut al-Mawardi (t.t), hukuman di dalam Islam terhadap kanak-kanak adalah bertujuan untuk mendidik dan memulih. Justeru, pendekatan hukuman mestilah bersesuaian dengan umur dan keadaan mereka. Ini bermakna, hakim boleh mengambil langkah pencegahan dengan memerintahkan agar kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah ditempatkan di pusat pemulihan atau di bawah pengawasan pihak tertentu. Ini diutarakan oleh 'Abd al-'Aziz (2015) ketika membincangkan mengenai kesalahan murtad dalam kalangan kanak-kanak menurut perspektif syarak.

## **ANALISA FIQH DAN UNDANG-UNDANG BERKAITAN PIHAK YANG BOLEH MENYEDIAKAN PEMELIHARAAN KE ATAS SEORANG ANAK/ KANAK-KANAK**

### **Analisa Fiqh berkaitan Pemeliharaan ke atas seorang Anak**

#### **i. Pemeliharaan seorang anak oleh ibu, bapa dan waris terdekat dari perspektif fiqh**

Walaupun terdapat nas-nas al-Quran dan hadis yang menunjukkan hak-hak seorang anak, namun perbincangan berkaitan perletakan tanggungjawab hak-hak tersebut adalah tertumpu kepada ibu, bapa, waris terdekat serta pemerintah. Sebagaimana yang dibincangkan, tanggungjawab melunaskan hak nasab, hak penyusuan (*al-rada'ah*) dan hak penjagaan adalah

ke atas seorang bapa, dan tertakluk kepada keperluan seorang anak, ke atas ibunya dalam aspek hak hadanah (*al-hadanah*). Tanggungjawab penyusuan, walaupun penyusuan diberikan oleh seorang ibu, adalah termasuk dalam tanggungjawab seorang bapa. Ini disebutkan secara tersirat dalam surah al-Talaq (65:6) yang mempertanggungjawabkan seorang bapa untuk memberi upah kepada ibu yang menyusukan anaknya. Berkenaan hak hadanah, umumnya hak ini dipertanggungjawabkan kepada seorang ibu, terutamanya sebelum anak tersebut tahap *tamyiz*, iaitu disebutkan dalam al-Nawawi (1991) sebagai 7 atau 8 tahun, namun tidak terikat dengan bilangan umur semata-mata. Hadanah ini adalah merangkumi tanggungjawab menjaga keselamatan anak (*muhafazah*), pengurusan diri seperti memandikan anak, membersihkan baju anak dan lain-lain, serta memberi didikan awal (*al-tarbiyyah*) (al-Qarsyi, 1988). Namun begitu, secara teorinya, hak hadanah adalah dipertanggungjawabkan kepada seorang bapa kerana kos yang lahir dari hadanah adalah dipertanggungjawabkan kepada bapa, iaitu melalui pemberian nafkah kepada anak yang dijaga oleh ibu tersebut. Ini dinukilkan oleh al-Nawawi (1991), berkenaan *al-hadanah*:

هِيَ الْقِيَامُ بِحِفْظِ مَنْ لَا يُمَيِّزُ وَلَا يَسْتَقِيلُ بِأَمْرِهِ، وَتَرْبِيَّتِهِ بِمَا يُصْلِحُهُ، وَوَقَائِتِهِ عَمَّا يُؤْذِيهِ، وَهِيَ نَوْعٌ مِنْ  
وِلَايَةِ وَسَلْطَنَةِ، لَكِنَّهَا بِالْإِنَاثِ أَلْبِقُ، لِأَنَّهِنَّ أَسْفَقْنَ، وَأَهْدَى إِلَى التَّرْبِيَةِ، وَأَصْبُرَ عَلَى الْقِيَامِ بِهَا، وَأَشَدُّ مُلَازِمَةً  
لِلْأَطْفَالِ. وَمُؤْنَةُ الْحَضَانَةِ عَلَى الْأَبِ، لِأَنَّهَا مِنْ أَسْبَابِ الْكِفَايَةِ، كَالنَّفَقَةِ، وَحَكَى السَّرْحَسِيِّ وَجْهًا أَنَّهُ لَيْسَ  
لِلْأُمِّ طَلَبُ الْأَجْرَةِ بَعْدَ الْفِطَامِ، وَالصَّحِيحُ: الْأَوَّلُ، وَأَمَّا أَجْرَةُ الرِّضَاعِ فَقَدْ سَبَقَ بَيَانُهَا

al-Nawawi(1991) juga berterusan menggunakan terma *al-hadanah* walaupun bukan ke atas ibu atau penjaga wanita yang lain. Beliau menyebutkan:

الضَّرْبُ الثَّانِي: مَحْضُ الذَّكُورِ، وَهُمْ أَرْبَعَةٌ أَصْنَافٍ: الْأَوَّلُ: مَحْرَمٌ وَارِثٌ، كَالْأَبِ وَالْجَدِّ وَالْأَخِ وَابْنِ الْأَخِ  
وَالْعَمِّ، فَلَهُمُ الْحَضَانَةُ، وَحَكَى الْبَعْوِيُّ وَغَيْرُهُ وَجْهًا، أَنَّهُ لَا حَضَانَةَ لِغَيْرِ الْأَبِ وَالْجَدِّ مِنَ الرِّجَالِ

Selain daripada tanggungjawab hadanah, seorang bapa juga bertanggungjawab terhadap *ta'dib* dan *ta'lim*. Kedua-dua tanggungjawab ini dikaitkan dengan peranan bapa sebagai wali kepada anak tersebut. Ini menunjukkan bahawa, tanggungjawab hadanah tidak semestinya digandingkan dengan tanggungjawab mendisiplinkan dan mendidik. Dalam erti kata lain, walaupun hadanah dijalankan oleh ibu, tanggungjawab pendidikan masih terletak ke atas bapa, atau mana-mana pihak yang diwakilkan/ membantunya. Perkara ini banyak dibincangkan dalam literatur berkenaan perbezaan di antara hadanah (*custody*) dan wilayah (*guardianship*) yang membawa maksud penjagaan yang berbeza. (Negi, Negi, & Sharma, 2024; Rafiq, 2014; Zahraa & A. Malek, 1998)

إِذَا اخْتَارَ الْأُمُّ، فَلَيْسَ لِلْأَبِ إِهْمَالُهُ بِمَجْرَدِ ذَلِكَ، بَلْ يَلْزَمُهُ الْقِيَامُ بِتَأْدِيبِهِ وَتَعْلِيمِهِ، إِمَّا بِنَفْسِهِ وَإِمَّا بِغَيْرِهِ  
وَيَتَحَمَّلُ مُؤْنَتَهُ، وَكَذَا الْمَجْنُونُ الَّذِي لَا تَسْتَقِيلُ الْأُمُّ بِضَبْطِهِ يَلْزَمُ الْأَبَ رِعَايَتَهُ، وَإِنَّمَا تَقَدَّمَ الْأُمُّ فِيمَا يَتَأْتَى  
تَأْدِيبُهُ وَتَعْلِيمُهُ وَاجِبٌ عَلَى وَلِيِّهِ أَوْ كَانَ أَوْ جَدًّا أَوْ صَبِيًّا أَوْ قَتِيمًا مِنْهَا وَمَا هُوَ شَأْنُهَا، قُلْتُ

Selain ibu dan bapa, waris-waris terdekat kepada seorang anak, adalah juga diberikan tanggungjawab penjagaan. Ini merujuk kepada turutan keutamaan pemberian hak penjagaan (merujuk kepada hadanah) kepada waris terdekat sebelah ibu kepada anak tersebut. Waris-waris ini adalah termasuk ibu kepada ibu, saudara perempuan kepada ibu, serta anak perempuan kepada saudara perempuan ibu kepada anak tersebut. al-Nawawi (1991) juga menyebutkan tentang pendapat *al-jadid* al-Syafi'i berkenaan kedudukan ibu kepada bapa kepada anak tersebut, untuk mendapat keutamaan penjagaan sebelum beberapa waris dari sebelah ibu. Perkara yang sama juga disebut berkenaan penjagaan (hadanah) oleh bapa, dan waris terdekat kepada bapa. Bahkan, terdapat empat golongan waris lelaki sebelah bapa yang

dibincangkan iaitu: 1) *muhrum warith* seperti bapa kepada bapa,, 2) *warith ghair muhrum* seperti anak saudara kepada bapa atau sepupu anak tersebut,, 3) *muhrum ghair warith* seperti bapa kepada ibu, dan 4) *man laysa bi muhramin wa la warith min al-aqarib* (al-Nawawi, 1991). Hanya golongan ketiga dan keempat sahaja yang tidak diittifaqkan sebagai pihak yang boleh dipertanggungjawabkan untuk menjaga. Ini adalah kerana, keutamaan adalah diberikan mengikut hubungan kekuatan darah waris dengan anak tersebut, sebagaimana turutan keutamaan yang digunakan dalam perwarisan. Oleh itu, waris yang terhalang dari mendapatkan pusaka, walaupun dari waris perempuan, seperti ibu kepada bapa kepada ibu anak tersebut, adalah tidak diittifaqkan sebagai pihak yang bertanggungjawab menjaga anak tersebut. Bahkan, dalam turutan keutamaan ini juga, al-Nawawi (1991) menyebutkan tentang mengutamakan waris yang lebih baik pada agama, harta serta kasihnya kepada anak tersebut (*mahabbat al-walad*).

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa penjagaan anak dalam konteks hadanah dalam fiqh adalah dipertanggungjawabkan kepada ibu, bapa serta waris terdekat anak itu sahaja. Ini berkesinambungan dari hubungan *qarabah* atau pertalian darah yang kuat di antara mereka dengan anak tersebut, yang sekaligus mengandaikan kasih yang lebih kuat serta potensi penjagaan yang lebih baik berbanding pihak lain.

## **ii. Pemeliharaan seorang anak oleh pihak selain ibu, bapa dan waris terdekat dari perspektif fiqh**

Perbincangan berkenaan pemeliharaan seorang anak oleh pihak ketiga, iaitu pihak selain ibu, bapa dan waris-waris terdekatnya tidak didapati dalam perbincangan fiqh hadanah. Namun, pemeliharaan pihak ketiga ini telah dibahaskan dalam fiqh wilayah dan pihak ketiga ini juga hanya tertumpu kepada pemerintah (*al-sultan*). Fiqh wilayah juga tidak tertumpu dalam perkara kekeluargaan (*kitab al-nikah*) sahaja, malahan wilayah adalah berkait dengan perkara muamalat lain, seperti kehakiman (*al-qudha*), hubungan transaksi komersial (*al-muamalat al-madaniyyah*), halangan (*al-hajr*), perwarisan (*al-irith*), dan lain-lain.

al-Wilayah sama ada sebagai kata nama (*ism*) atau kata nama dasar (*masdar*) adalah terbitan daripada perkataan ‘al-wali’. Menurut al-Buraidi (2008), terdapat isu berkaitan pentakrifan ‘al-wali’ memandangkan terdapat sesetengah pihak yang mendakwa diri mereka sebagai wali, yang merujuk kepada wali Allah, iaitu manusia biasa yang mendapat kedudukan tinggi di sisi Allah. Keperluan mendefinisikan perkataan ‘wali’ adalah sangat penting bagi mengelakkan orang yang tidak layak, digolongkan sebagai seorang wali, dan orang yang layak, dikeluarkan dari golongan wali (al-Buraidi, 2008). Justeru, beliau telah menjalankan kajian terhadap maksud ‘wali’ bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah. Hasil kajian menunjukkan bahawa wali adalah berkait dengan maksud ‘dekat’ (*al-qarb*) dan ‘rapat’ (*al-dunwi*) (al-Buraidi, 2008; al-Tayyib, 2000). Pada masa yang sama, wali dalam konteks pemilikan/pengurusan adalah berkait dengan ‘seseorang yang mengasihi’ (*al-muhab*), ‘seseorang yang membantu’ (*al-nasir*) (al-Buraidi, 2008) dan ‘seseorang yang membuat hukum/ menentukan/ melaksanakan’ (*al-hakim*) (al-Tayyib, 2000). Rujukan telah dibuat kepada al-Nisa: 33; al-`Araf: 30; al-Anfal: 72. Secara ringkasnya, terdapat lima jenis wali yang disebutkan dalam al-Quran dan Hadith, iaitu, 1) Wali dalam perwarisan, 2) Wali kepada hamba, 3) Wali dalam konteks perwalian *asabah* (penjaga harta), 4) Wali dalam kekuatan agama, merujuk kepada wali Allah (Yunus: 62) dan, 5) Wali dalam konteks orang kafir yang mendapatkan pertolongan dari Syaitan (al-`Araf, 30).

Dalam konteks muamalat, al-wilayah adalah merujuk kepada “kuasa yang diiktiraf oleh Syariah, yang membolehkan orang yang mendapat kuasa untuk mengadakan dan menjalankan kontrak dan kesan kontrak adalah berjalan tanpa memerlukan kebenaran pihak lain” (Shabir, 2018). Namun, hak wilayah ini adalah diberikan kepada waris `asabah dan jika tiada, kepada pemerintah (*al-sultan*) (Sahbir, 2018), bagi mereka yang tidak mempunyai kelayakan (*ahliyyah*) untuk mengadakan kontrak. Ini juga termasuk, tanggungjawab wali untuk menguruskan harta orang yang diwalikan, sama ada anak yang kecil (didasarkan kepada golongan yang mempunyai akal yang lemah atau *dhaif*), atau pihak-pihak lain yang memerlukan wali seperti *safih* (al-Baqarah, 282; al-Nisa’: 5) atau kerana lantikan menjaga anak yatim (al-Nisa’: 6) yang masih belum memiliki kematangan (*al-rusyd*) dalam menguruskan hartanya. Dalam konteks munakahat, perwalian ini dibincangkan dalam konteks wali nikah, untuk pihak-pihak yang sama, iaitu waris `asabah, dan tertakluk kepada keadaan-keadaan tertentu, kepada pemerintah. Perkara ini disokong dalam sebuah hadith, riwayat Aisyah r.a.: (Ibn Majah, 2083; al-Tarmizi: 1108). Perbincangan ini merujuk kepada keharusan perwalian nikah berpindah kepada pemerintah.

السلطان ولي من لا ولي له

Selain konteks yang disebutkan di atas, perwalian oleh pemerintah terhadap seorang anak tidak dibincangkan dengan meluas dalam fiqh. Bahkan, perwalian pemerintah juga tidak dibincangkan dari aspek hadanah, iaitu penjagaan fizikal anak tersebut. Antara yang dibincangkan dalam al-Qarsyi (1988), hadanah yang diberikan kepada seorang ibu, tidak boleh berpindah kepada orang lain memandangkan kemaslahatan anak tersebut adalah ditentukan oleh ibunya disebabkan usianya yang kecil. Bahkan, disebutkan tentang potensi anak tersebut membesar dengan baik, fizikal, mental termasuk, sifat ihsan dan belas kasihan adalah tinggi apabila dijaga oleh ibunya. Namun, pemerintah adalah bertanggungjawab dalam aspek penjagaan kesihatan anak tersebut. Dalam ruang lingkup perwalian ini, al-Qarsyi (1988) hanya menyebutkan tentang tanggungjawab pemerintah menyediakan perkhidmatan kesihatan yang baik kepada anak tersebut serta memupuk kesedaran kesihatan anak tersebut melalui ibu yang menjaganya.

### **Analisa Undang-undang berkaitan Pemeliharaan ke atas seorang Anak.**

Hak-hak seorang anak dalam konteks pemeliharaan, telah diperuntukkan dalam perundangan kekeluargaan Islam. Dalam perundangan ini, terdapat tiga konsep penting yang diketengahkan, 1) pemeliharaan, 2) hadanah dan 3) penjagaan. Peruntukan-peruntukan tersebut juga ada yang dikhususkan kepada anak, dan ada yang dikhususkan kepada kanak-kanak, melihat kepada konteks pemakaiannya sama ada, ke atas ibu bapa, atau pihak ketiga. Justeru, perkara ini dianalisa berdasarkan kepada:

#### **i. Pemeliharaan ke atas Seorang Anak dari perspektif undang-undang Islam di Malaysia**

Terma dan konsep pemeliharaan tidak dijelaskan dengan terperinci dalam undang-undang keluarga Islam negeri-negeri. Namun, terma pemeliharaan telah digunakan dalam undang-undang tersebut, berkaitan dengan penjagaan sementara kepada orang selain orang yang mendapat hak penjagaan. Ini diperuntukkan dalam s87, berkesinambungan dari s86 berkaitan kuasa Mahkamah untuk membuat perintah berkenaan penjagaan. s87(b):

*(b) mengadakan peruntukan bagi kanak-kanak itu berada bagi sementara dalam pemeliharaan dan kawalan seseorang yang lain daripada orang yang diberi jagaan itu*

Peruntukan yang sama juga terdapat dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003, s88 (EUKIS). Peruntukan ini juga adalah berkesinambungan dengan s87, berkaitan kuasa Mahkamah membuat perintah tentang penjagaan, yang mana, jika hadanah tidak dapat diberikan kepada ibu anak tersebut, maka Mahkamah berhak melantik orang lain selain ibu sebagaimana s83 EUKIS. Rujukan juga telah dilakukan ke atas Akta Memperbaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976 (APU) memandangkan kepada pengaruh APU kepada penggubalan undang-undang keluarga Islam negeri. Dalam APU, peruntukan yang sama terdapat dalam s89. Namun, penggunaan terma pemeliharaan adalah merujuk kepada 'care'. Ia juga adalah berkait tentang kuasa Mahkamah dalam mengeluarkan perintah penjagaan, boleh memerintahkan penjagaan anak tersebut diberikan secara sementara kepada pihak lain selain ibu atau bapa, tetapi hanya merujuk kepada aspek 'care and control' dan bukan *custody*. Justeru, pemeliharaan dalam undang-undang ini boleh disimpulkan sebagai penjagaan oleh orang lain selain ibu dalam konteks hadanah, atau bapa, dalam konteks penjagaan sementara.

Berbeza dengan pemeliharaan, terma dan konsep penjagaan adalah lebih kerap digunakan dan lebih jelas. Merujuk kepada ss55, 71 dan 81 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 (AUKI), penjagaan adalah terkait dengan nafkah, iaitu nafkah sara hidup serta nafkah tempat tinggal. Perkara yang sama diperuntukkan dalam s81, berkaitan penjagaan anak-anak tidak sah taraf, di mana pihak yang mendapat penjagaan adalah bertanggungjawab untuk menyediakan nafkah bagi anak tersebut. Dalam s82 AUKI, peruntukan berkaitan penjagaan dikaitkan dengan hadanah, namun bertumpu hanya kepada penjagaan seorang ibu terhadap anaknya. Namun, penjagaan dalam konteks hadanah ini adalah terberhenti dengan sampai tempoh tertentu dan penjagaan akan berpindah kepada seorang bapa. Ini disebutkan dalam s84(2) AUKI, iaitu:

*(2) Setelah tamatnya hak hadinah, penjagaan adalah turun kepada bapa, dan jika kanak-kanak itu telah mencapai umur kecerdikan (mumaiyiz), maka kanak-kanak itu adalah berhak memilih untuk tinggal dengan sama ada ibu atau bapanya, melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya.*

Perkara yang sama dikuatkan dalam s88, iaitu peralihan penjagaan ibu dalam konteks hadanah kepada bapa, yang merupakan penjaga hakiki kepada anaknya.

*1) Sungguh pun hak terhadap hadanah atau penjagaan anak mungkin terletak pada seseorang lain, bapa adalah penjaga hakiki yang pertama dan utama bagi diri dan harta anaknya yang belum dewasa, dan apabila bapa telah mati, maka hak di sisi undang-undang bagi menjaga anaknya itu adalah turun kepada salah seorang yang berikut mengikut susunan keutamaan..*

Daripada peruntukan-peruntukan ini, dapat difahami bahawa, 1) konsep pemeliharaan adalah tidak berkaitan dengan penjagaan oleh ibu atau bapa, 2) konsep hadanah adalah sebahagian daripada penjagaan dan berkaitan dengan ibu dan penjaga wanita sahaja, sebagaimana yang diperuntukkan dalam ss82, 83 dan 84 AUKI (peruntukan yang sama didapati dalam EUKIS dalam ss82-84 namun dikhususkan kepada ibu dan penjaga dari waris ibu sahaja)



dan, 3) konsep penjagaan adalah berkait dengan ibu, bapa, waris terdekat seorang anak atau pihak selain mereka.

ii. Pemeliharaan ke atas seorang kanak-kanak dari perspektif undang-undang di Malaysia

a. Undang-Undang Kekeluargaan Islam di Malaysia

Selain penggunaan terma anak, undang-undang keluarga Islam juga memperuntukkan tentang pemeliharaan seorang kanak-kanak. Dalam s72(2) dan 78, penggunaan terma kanak-kanak adalah jelas memandangkan perintah nafkah oleh Mahkamah adalah diberikan kepada pihak ketiga. Dalam s82-85, penggunaan terma kanak-kanak juga digunakan. Ini kerana, penggunaan terma anak adalah kurang sesuai memandangkan peruntukan-peruntukan penjagaan tersebut tidak semestinya diberikan kepada ibu atau bapa anak tersebut. Namun begitu, s86 AUKI adalah secara tersurat memberikan kuasa kepada Mahkamah untuk memberikan penjagaan seorang kana-kanak kepada pihak ketiga.

Seksyen 86(1) AUKI memperuntukkan kuasa kepada Mahkamah Syariah untuk meletakkan seorang kanak-kanak dalam jagaan seseorang lain, selain ibu kandungnya bagi anak tidak sah taraf. Perletakan penjagaan ini juga tidak semestinya atas seorang individu, bahkan boleh kepada persatuan yang bertujuan untuk menjaga kebajikan kanak-kanak tersebut. Dalam menjalankan kuasa ini, Mahkamah boleh memberi perhatian kepada, kemahuan ibu bapa kanak-kanak, kemahuan kanak-kanak jika dia mampu menyatakan pendapatnya serta aspek kebajikan dalam menetapkan status quo kanak-kanak tersebut. s88(3) AUKI pula memperuntukkan kuasa penjagaan harta seorang kanak-kanak kepada pihak ketiga, iaitu penjaga bagi harta. s89 dan ss96-100 pula memperuntukkan takat kuasa bagi penjaga harta kanak-kanak ini. Berkesinambungan dari peruntukan ini, s90 memberi kuasa kepada Mahkamah Syariah untuk melantik penjaga kepada harta dengan memberi pertimbangan kepada kebajikan kanak-kanak tersebut. Selain pelantikan oleh Mahkamah ini, pelantikan penjaga bagi harta kanak-kanak juga boleh dibuat apabila penjaga sedia ada, termasuk ibu atau bapa dihentikan atau dipecat, s93 AUKI. s104 AUKI juga memperuntukkan tentang keperluan Mahkamah Syariah merujuk kepada nasihat pegawai kebajikan dalam hal berkaitan penjagaan oleh penjaga terhadap kanak-kanak, termasuk nafkah kanak-kanak tersebut.

Peruntukan-peruntukan ini secara jelas memberikan kuasa penjagaan pihak ketiga ke atas diri seorang kanak-kanak, iaitu dalam konteks anak tidak sah taraf (s86 AUKI) dan harta kanak-kanak (s88 AUKI). Namun begitu, tidak dapat dipastikan definisi yang jelas berkaitan 'penjaga' ini, syarat-syarat khusus, serta tidak dapat dipastikan bagaimana kebajikan kanak-kanak dapat diukur untuk dipertimbangkan dalam lantikan penjaga pihak ketiga ini. Walaupun terdapat peruntukan berkenaan perkara-perkara yang perlu diberi perhatian oleh Mahkamah dan takat kuasa penjaga, yang sekaligus bertujuan menjaga kebajikan kanak-kanak, namun di peringkat awal pelantikan kanak-kanak tersebut, aspek kebajikan yang perlu dipertimbangkan tidak dapat diulas dari peruntukan-peruntukan ini. Bagi anak sah taraf, penjagaan beralih kepada pihak ketiga, tidak diperuntukkan dalam undang-undang.

b. Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611)

Analisa perundangan dalam kajian in dibincangkan bagi memberi sokongan kepada analisa fiqh yang dikemukakan sebelum ini. Justeru, tumpuan adalah diberikan kepada undang-undang Islam sahaja. Namun, memandangkan tiada peruntukan khas berkenaan kanak-kanak tidak

terkawal dalam undang-undang Islam tersebut, maka perbincangan terhadap Akta Kanak-kanak 2001 adalah perlu dalam analisa ini.

Seksyen 46-47 Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611) memperuntukkan tentang kuasa Mahkamah bagi Kanak-kanak (MBKK) (s11 Akta 611,) untuk menahan seorang kanak-kanak, apabila permohonan bertulis dikemukakan oleh ibu atau bapa atau penjaganya dengan alasan bahawa 'ibu atau bapa atau penjaga itu tidak dapat menjalankan kawalan yang sepatutnya ke atas kanak-kanak itu'. Penahanan ini dibuat setelah prosedur tertentu dijalankan, iaitu siasatan oleh MBKK, pembentangan laporan oleh pegawai akhlak kepada Mahkamah, serta pertimbangan MBKK tentang suai manfaat penahanan itu dilakukan dan dalam keadaan pemohon, ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak tersebut memahami implikasi yang lahir dari penahanan (s46 Akta 611). Penahanan yang boleh dibuat oleh Mahkamah pula adalah dengan cara:

- 1) menghantar kanak-kanak tersebut ke suatu sekolah diluluskan, tempat perlindungan, asrama akhlak atau pusat mengikut mana-mana yang sesuai; atau
- 2) meletakkan kanak-kanak tersebut di bawah pengawasan pegawai akhlak atau mana-mana orang lain yang dilantik oleh MBKK bagi maksud pengawasan itu.

Tambahan daripada ini, s47 Akta 611 pula memperuntukkan tentang bentuk pengawasan yang boleh dijalankan oleh pegawai akhlak. Ini termasuk, melawat, menasihati serta bertindak sebagai kawan kepada kanak-kanak tersebut. Jika pengawasan ini tidak memberi kesan, maka pegawai akhlak boleh membawa kanak-kanak tersebut ke Mahkamah Pengawas (MP) yang bertujuan untuk menimbang suai manfaat kanak-kanak tersebut dihantar, tertakluk kepada keizinan ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak itu, ke suatu sekolah diluluskan, tempat perlindungan atau pusat, mengikut mana-mana yang sesuai. MP juga mempunyai kuasa, untuk meletakkan kanak-kanak itu dalam pemeliharaan seseorang yang layak dan sesuai, sama ada saudara atau tidak, yang sanggup memelihara kanak-kanak tersebut.

Walaupun peruntukan-peruntukan ini ringkas, ia secara tersirat memberi kuasa kepada pemerintah, iaitu melalui kuasa kehakiman MBKK untuk memberikan pemeliharaan seorang kanak-kanak kepada pihak lain selain ibu, bapa atau waris terdekat kanak-kanak tidak terkawal tersebut. Menariknya, peruntukan-peruntukan ini menghendaki adanya permohonan daripada penjaga asal kanak-kanak tersebut, sama ada, ibu, bapa atau penjaga lain, yang dapat difahamkan dari perundangan sebelum ini, sebagai waris terdekat atau 'penjaga' lain yang dilantik oleh Mahkamah. Kemudiannya, dalam s47 Akta 611, yang dibincangkan, seorang pegawai akhlak melalui MP boleh menghendaki kanak-kanak tidak terkawal itu diletakkan di bawah jagaan orang lain, sama ada saudara atau tidak kepada kanak-kanak tersebut. Apabila peruntukan ini mengetengahkan saudara kanak-kanak kepada penjaga, ini menunjukkan bahawa peruntukan ini menerimapakai konsep pemeliharaan anak dalam kalangan waris terdekatnya. Ini memberi gambaran bahawa, pemeliharaan seorang kanak-kanak tidak terkawal di bawah pegawai akhlak sebagai intervensi kepada pemeliharaan oleh ibu atau bapa atau penjaga, sebelum boleh diberikan kepada waris terdekat kanak-kanak tersebut.

Secara kesimpulannya, analisa aspek pemeliharaan ini dari persepektif fiqh dan undang-undang, mendapati terdapat ketidakselarisan konsep pemeliharaan/ penjagaan dan hadanah. Walaupun konsep penjagaan dalam undang-undang boleh disamakan dengan konsep perwalian

dalam fiqh, iaitu tanggungjawab menjaga oleh bapa, yang termasuk tanggungjawab mendidik dan mendisiplin, merawat, menjaga kesihatan dan keselamatan, namun dalam s82 AUKI dan EUKIS, ibu juga dikaitkan dengan konsep penjagaan/ perwalian. Ini adalah kurang tepat memandangkan seorang ibu dikhaskan penjagaan atas kapasiti hadhinah dan bukan wali. Boleh jadi, konsep penjagaan/perwalian dalam peruntukan berkaitan hadanah adalah hanya bertumpu kepada penjagaan keselamatan bagi anak kecil di rumah dan pendidikan awal kanak-kanak sahaja. Ini telah disedutkan juga dalam al-Qarsyi (1988) sebelum ini. Jika dilihat sedemikian, maka tidak wujud ketidakselarisan di antara penjagaan dalam undang-undang dan perwalian dalam fiqh.

Dari aspek pemeliharaan pihak ketiga/pemerintah terhadap seorang anak atau kanak-kanak, dapatan dari fiqh dan undang-undang adalah selari. Ini kerana, dalam fiqh, pihak ketiga/pemerintah tidak diberikan tanggungjawab hadanah, bahkan ibu kepada anak tersebut adalah yang paling layak. Hak perwalian pemerintah terhadap seorang anak/ kanak-kanak juga adalah terhad kepada beberapa aspek yang telah dibincangkan seperti menyediakan perkhidmatan kesihatan, menjadi wali hakim dalam pernikahan dan menguruskan harta anak kecil/ kanak-kanak dalam konteks muamalat. Dalam perundangan, pemeliharaan seorang kanak-kanak diberikan kepada pihak ketiga, atau pemerintah, hanya terpakai kepada anak tidak sah taraf, harta kanak-kanak, dalam Akta 611, kanak-kanak tidak terkawal. Cuma yang menjadi kebimbangan adalah, pemeliharaan kanak-kanak oleh pemerintah ini, melalui kuasa Mahkamah Syariah, MBKK dan pegawai akhlak ini tumpuan kepada umur kanak-kanak yang dibolehkan berpindah pemeliharaan kepada pemerintah tidak diperuntukkan. Dalam fiqh, tumpuan umur *mumayyiz*, iaitu 7-9 tahun sebagaimana dalam s84 AUKI juga, umur kanak-kanak yang terlibat diketengahkan bagi menganjurkan kemaslahatan tertentu pada umur tersebut. Namun, dalam s46 Akta 611 dan s86 AUKI, syarat pencapaian umur tertentu tidak diperuntukkan. Selain itu, dalam fiqh, pemeliharaan kanak-kanak yang diberikan kepada pemerintah dibincangkan dalam fiqh al-wilayah. Dalam fiqh ini, terdapat perbincangan yang luas diberikan kepada syarat-syarat kelayakan seorang wali. Maka, mana-mana orang yang dilantik menjadi wali oleh pemerintah adalah perlu memenuhi syarat-syarat wali ini, iaitu Islam, baligh, mukallaf, termasuk sifat-sifat lain seperti amanah dan adil. Sekali lagi, perkara ini tidak dijelaskan dalam perundangan, sama ada Akta 611 ataupun AUKI.

## **KESIMPULAN**

Kanak-kanak merupakan aset agama, bangsa dan negara. Berdasarkan perbincangan kajian ini, kanak-kanak tidak terkawal merupakan mereka yang berusia dalam lingkungan sepuluh sehingga lapan belas tahun. Mereka juga terlibat dengan perbuatan yang bersifat cenderung kepada jenayah moral dan aktiviti tidak sihat, namun tidak terlibat dalam melakukan jenayah berat. Peningkatan kes kanak-kanak tidak terkawal saban tahun perlu ditangani sebelum kanak-kanak terlibat dengan kes jenayah yang lebih berat pada masa akan datang.

Perspektif Syariah menunjukkan bahawa tugas pemeliharaan anak merupakan tanggungjawab asas ibu bapa dan keluarga. Namun, kerajaan juga wajar berperanan menerusi sistem sokongan dalam aspek pendidikan dan penguatkuasaan undang-undang bagi membentuk sahsiah anak-anak yang terpuji. Dapatan ini diharapkan dapat memberi pendedahan kepada ibu bapa mengenai kepentingan pendidikan dan pemulihan terhadap kanak-kanak yang mempunyai kecenderungan dengan gejala tidak sihat, agar dapat diambil tindakan di peringkat awal. Di samping itu, ibu bapa dan penjaga juga perlu memberikan sokongan pemulihan terhadap anak-anak yang didapati bersalah sebagai kanak-kanak tidak

terkawal. Semoga usaha bersama ibu bapa serta pihak kerajaan ini dapat melahirkan kanak-kanak pembina masyarakat yang harmoni.

## RUJUKAN

- ‘Abd al-’Aziz bin Muhammad al-Saghir. (2015). *al-Jarimah wa al-’Uqubah fi al-Fiqh al-Islami*. Al-Qahirah: al-Markaz al-Qawmi lil Isdarat al-Qanuniyyah.
- ‘Ali bin Sultan Muhammad al-Qari. (2001). *Mirqat al-Mafatih Syarh Misykat al-Masabih*. Jamal ‘Aitani (ed.). Beirut: Dar al-Kutub al-’Ilmiyyah.
- Abdullah Nasih ‘Ulwan. (2005). *Pendidikan Anak-anak Dalam Islam*, Syed Ahmad Semait (terj.) (Jilid 1). Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Abu Daud Sulaiman bin al-Ash’ath al-Sijistani. (t.t). *Sunan Abu Daud*. Muhammad Salih al-Rajhi (ed.). Riyadh: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah.
- Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) & Peraturan-peraturan. (2022). Petaling Jaya: International Law Book Services.
- al-Buraidi, Muhammad bin Abdullah (2008). *al-Wali wa al-Wilayah fi Dau’i al-Kitab wa al-Sunnah*. Malajallah Jamiah Umm al-Qura li ‘Ulum al-Syariah wa al-Dirasat al-Islamiyyah, No. 47. Arab Saudi: Mekah
- al-Mawardi. (t.t). *al-Ahkam al-Sultaniah wa al-Wilayah al-Diniyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-’Ilmiyyah.
- al-Nawawi (1991). *Raudhah al-Talibin wa ‘Umdat al-Muftin*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- al-Qarsyi, Baqir Syarif (1988). *Nizam al-Usrah fi al-Islam Dirasah al-Muqarin*. Beirut. Dar al-Wusul
- al-Ramli, Muhammad bin Abi al-’Abbas Ahmad. (1984). *Nihayah al-Muhtaj*. Beirut: Dar al-Fikr li Taba’ah.
- al-Tayyib, Ahmad (Translated)(2000), *al-Wilayah*. Majlis al-’Ala al-Thaqafah. Cairo
- al-Zuhayli, Wahbah. (2004). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu* (Jilid 7). Dimasyq: Dar al-Fikr al-Mu’asir.
- al-Zuhayli, Wahbah. (2004). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu* (Jilid 10). Dimasyq: Dar al-Fikr.
- Ibn ‘Abidin. (2000). *Hasyiyah Ibn ‘Abidin*. Beirut: Dar al-Fikr li Taba’ah.
- Ibnu Qudamah, Muwaffaq al-Din ‘Abd Allah ibn Ahmad. (t.t). *al-Mughni*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Joseph Alex Maxwell, Qualitative research design: An interactive approach, [https://www.researchgate.net/publication/320353627\\_Qualitative\\_research\\_design\\_An\\_interactive\\_approach](https://www.researchgate.net/publication/320353627_Qualitative_research_design_An_interactive_approach).
- Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2021). *Pengurusan Kes Kanak-kanak Tidak Terkawal*. Retrieved from <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/content&id=bkc4dWQzUVVoNUFYVHFWeTVDbEZ2Zz09>
- Shabir, Muhammad Uthman (2018). *al-Madkhal ila Fiqh al-Muamalat al-Maliyyah*. Amman, Jordan: Dar al-Nafais
- Tala’at ‘Abd al-Ghaffar Hujjaj & Muhammad ‘Abd al-Latif Qindil. (t.t). *al-Wajiz fi Qawa’id al-Fiqh al-Kulliyah*. Mesir: Jami’at al-Azhar.
- Warta Kerajaan Persekutuan. (2017). *Peraturan-peraturan Kanak-Kanak (Pemeliharaan Berasaskan Keluarga) 2017*. Jabatan Peguam Negara.